



A Tribute To Dato' Shahrir



Hari semakin hampir untuk pilihanraya umum ke-11. Dari akhbar-akhbar dan berita semasa seramai 20 wakil rakyat Johor akan digugurkan termasuk beberapa orang Exco Kerajaan. Ini bertujuan bagi memberi laluan kepada muka-muka baru. Siapakah agaknya yang bakal dipilih sebagai calon?

Ramai yang tak senang tidur dan tak lena tidur. Masing-masing mengimbas kembali kepada tugas dan tanggungjawab yang telah dilakukan. Tetapi bagi pengundi Johor Bahru, mereka bertuah kerana mempunyai pemimpin yang komited kepada rakyat Johor Bahru. Walaupun ada yang bergelar Menteri seperti YB Khaled Nordin (sekarang berhijrah ke DUN Tebrau) dan tidak asing ialah Dato' Shahrir A Samad.

Siapa tak kenal Dato' Shahrir? Orangnyanya simpel dan mudah didampingi pengundi. Kalau di Johor Bahru, setiap masalah penduduk pasti aka ada Dato' Shahrir. Beliau bukan sahaja merupakan seorang pemimpin veteran yang di segani tetapi juga adalah seorang yang tegas pendiriannya kepada perjuangan orang Melayu.

Tahniah kepada Dato' Shahrir A Samad kerana dilantik semula sebagai wakil Parlimen Johor Bahru. Dato' Ghani telah membuat satu keputusan yang bijak yang sememangnya telah dijangkakan bukan kerana beliau adalah pemimpin yang mempunyai ketokohan luar-biasa tetapi kerana komitmen beliau yang tinggi kepada penduduk Johor Bahru.

Beliau menasihatkan calon-calon yang tidak terpilih perlu terus membantu dan memberikan kerjasama kepada calon-calon yang dipilih walaupun mereka adalah orang baru dan lebih muda bagi memberikan kemenangan kepada BN. Dalam karier politik beliau yang panjang, beliau pernah tidak terpilih sebagai calon pada tahun 1999. Pengguguran sebagai calon dan tidak terpilih merupakan perkara biasa dalam politik dan mereka perlu menerima dengan hati terbuka.

Sekiranya Dato' Shahrir A Samad terpilih dan memenangi kerusi Parlimen Johor Bahru, yang pasti beliau akan memenuhi salah satu dari kerusi Menteri Penuh di peringkat pusat.

Dimana kuah kalau tidak tumpah ke nasi. Inilah yang terjadi kepada YB Dato' Khaled Nordin. Anak didik Dato' Shahrir yang ketika ini menjadi Ketua Penaja Umno Bahagian Tebrau. Pemilihan beliau sebagai calon juga disenangi oleh banyak pihak bukan sahaja bagi pengundi di Johor Bahru tetapi juga di kawasan Tebrau yang diwakilinya.

Sebagai murid kepada "mentornya" Dato' Shahrir, komitmen dan sikap yang ditunjukkan oleh YB Khaled Nordin seolah-olah ia dibayangi oleh bayang-bayang Dato' Shahrir. Ini kerana penampilan yang ringkas dan simple sebagai seorang Menteri Kabinet, mudah mesra serta bersikap sederhana amat dinenangi oleh semua pihak.

Pencalon beliau sebagai calon DUN Tebrau sekaligus akan memperkuatkan desas-desus bagai beliau bakal menjadi Menteri Besar Johor yang akan datang.

Parlimen Johor Bahru dan Parlimen amat bertuah kerana memiliki pemimpin-pemimpin yang berjiwa rakyat bukan sahaja mudah dihubungi tetapi berupaya melakukan tanggungjawab yang diberikan. Oleh tidak setidak-tidaknya Johor perlu memiliki 10 bayang-bayang Dato' Shahrir agar orang Melayu dapat berbangga.

Selain dari itu, seorang lagi calon baru yang tidak kurang juga hebatnya di Johor Bahru merupakan muka baru dalam arena politik Johor Bahru. Beliau merupakan orang lama dalam Umno dan ketika ini menjadi Ketua WHIP Majlis Bandaraya Johor Baharu.

Beliau seorang yang mudah mesra dan lemah lembut tetapi tegas dalam melaksanakan tugasnya. Hj. Ali atau selalu dipanggil Pak Ali oleh kawan-kawan rapatnya merupakan penggal pertama sebagai calon samada ia akan mewakili DUN Stulang atau Tg. Puteri tidak menjadi persoalan. Sekurang-kurangnya pencalon Timb. Ketua Umno Penaja Johor Bahru ini setidak-tidaknya menjadi bonus kepada perjuangan beliau selama ini diberkati. Kejujuran dan komitmen yang tinggi sebagai orang No: 2 telah memberikan kepercayaan kepada Dato' Shahrir untuk memberi dan ucapan terima kasih dengan perlantikan beliau sebagai Wakil Rakyat.

Jasa dan komitmen Dato' Shahrir kepada anak buahnya tidak dinafikan. Beliau merupakan seorang pejuang tulen dan kebanggaan orang Johor. Beliau bukan sahaja akan berdepan dengan sesiapa bagi menegakkan prinsip perjuangan untuk orang Melayu. Kepada Dato' Shahrir dan Hj. Ali serta anak buahnya, selamat berjuang demi masa depan orang Melayu. Syabas

ps: Suarajohor.com bukanlah selalu dapat mengampu atau cuba membodek sesiapaupun. Tetapi kalau ianya satu kebenaran ianya akan tetap benar. Setidak-tidaknya Suarajohor.com mahupun Dato' Shahrir merupakan check and balance bagi memartabatkan rakyat Johor. Kalau ada calon-calon yang ingin ditonjolkan oleh Suarajohor.com sebagai idola, mereka perlu menunjukkan komitmen merke terlebih dahulu dan jang selalu banyak bercakap tak serupa bikin. Inilah yang berlaku kepada ADUN-ADUN seperti Osman Sopian , Datuk Baharom Ghani dan kroni-kroninya

Copyright © 2006 suarajohor.tripod.com. All rights reserved. Last updated
Semua artikel yang disiarkan adalah hasil dari pandangan pembaca yang diterima
untuk dikongsi bersama, diolah/diedit mengikut kesesuaian.